



**AMALAN PEMBENTUKAN INSAN BERAKHLAK MULIA DALAM
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN GURU PENDIDIKAN MORAL
SEKOLAH MENENGAH DI SABAH, MALAYSIA**

Oleh

NOOR ZULINA BINTI S DE ASILDO

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Jun 2022

FPP 2022 76

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**AMALAN PEMBENTUKAN INSAN BERAKHLAK MULIA DALAM
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN GURU PENDIDIKAN MORAL
SEKOLAH MENENGAH DI SABAH, MALAYSIA**

Oleh

NOOR ZULINA BINTI S DE ASILDO

Jun 2022

Pengerusi : Maizura Yasin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pencapaian matlamat pembentukan insan berakhlak mulia (IBM) melalui pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Moral (PM) akan dapat menyumbang ke arah penyediaan modal insan seimbang khususnya dalam dunia pekerjaan kelak. Namun demikian, pembentukan IBM menerusi mata pelajaran PM memerlukan kefahaman guru terhadap konsep IBM yang secara tidak langsung turut berkait dengan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam dan luar bilik darjah sama ada secara formal dan langsung mahupun tidak formal dan tidak langsung. Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus untuk meneroka dan memahami amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM sekolah menengah khususnya di Sabah menerusi dua persoalan yang diutarakan iaitu: (1) Apakah kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM? dan (2) Bagaimanakah amalan pembentukan IBM dilaksanakan dalam PdPc guru PM sekolah menengah di Sabah? Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pendekatan kajian kes dengan penglibatan seramai enam orang guru opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Moral sekolah menengah yang telah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan menggunakan strategi persampelan variasi maksimum dan teknik bola salji hingga mencapai titik ketepuan data dan soalan temu bual. Data dikumpul melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen serta sokongan daripada bahan audio-visual, mengambil kira kekangan untuk melaksanakan perjumpaan bersemuka sepanjang proses pengumpulan data dalam tempoh pandemik COVID-19. Kaedah analisis tema dilaksanakan secara manual di samping bantuan perisian Atlas t.i melalui proses pengkodan dan pengkategorian tema untuk menjawab persoalan kajian ini.

Kajian menemukan bahawa kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM adalah meliputi murid yang mempunyai perkembangan kognitif moral, mempunyai emosi moral dan boleh bertindak berasaskan

perlakuan moral berprinsip. Murid dikatakan berjaya memenuhi konsep IBM apabila mereka mempunyai pengetahuan moral, boleh membuat penaaakulan dan pertimbangan rasional serta mempunyai kematangan untuk berubah. Kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM tersebut telah membawa kepada amalan pembentukan IBM yang dilaksanakan menerusi peneguhan, kepelbagaian aktiviti dalam bilik darjah, aktiviti pembelajaran luar bilik darjah dan karakter guru. Tema-tema yang terbentuk adalah gambaran kepada asas daripada teori-teori berkaitan bidang moral seperti teori psikologi perkembangan moral dan teori etika moral serta elemen-elemen proses PdPc dalam Model Bersepadu Keberkesanan Sekolah, Model Heksagon Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam pengajaran Sains dan Model Kontekstual Keberkesanan Sekolah Pelbagai Peringkat. Implikasi kajian ini dapat memberi gambaran lebih mendalam dan terperinci bahawa kepelbagaian latar belakang guru PM boleh menyumbang kepada kepelbagaian kefahaman terhadap konsep IBM serta kepelbagaian amalan pembentukan IBM dalam PdPc PM.

Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat menyumbang kepada pengetahuan baharu bahawa standard kemoralan dalam penentuan IBM adalah sesuai dengan agama, kepercayaan serta norma masyarakat Malaysia sekaligus mencerminkan bahawa tidak semua teori etika moral Barat boleh diaplikasi dalam konteks PM di Malaysia. Tambahan pula, model-model yang asalnya digunakan untuk menilai keberkesanan sekolah boleh membantu penerokaan lebih mendalam terhadap faktor dan proses di sebalik interaksi setiap sistem dalam pendidikan. Rumusannya, kajian ini membuka kepada peluang penerokaan dan penelitian lanjutan terhadap fenomena di sebalik usaha pencapaian matlamat PM.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE PRACTICE OF FORMING VIRTUOUS HUMAN BEINGS IN THE
LEARNING AND FACILITATION OF SECONDARY SCHOOL MORAL
EDUCATION TEACHERS IN SABAH, MALAYSIA**

By

NOOR ZULINA BINTI S DE ASILDO

June 2022

Chair : Maizura Yasin, PhD
Faculty : Educational Studies

The success of a virtuous human being (VHB) formation through the implementation of Moral Education (ME) will be able to contribute to the provision of balanced human capital in the future, particularly in the world of employment. However, the formation of VHB through ME subjects necessitates teachers' understanding of the concept of VHB, which is indirectly related to the learning and facilitation (L&F) practice in and outside the classroom, either formally and directly or informally and indirectly. In this regard, this study focuses on exploring and understanding the practice of VHB formation in L&F of secondary school ME teachers, particularly in Sabah, by posing two questions: (1) What is the understanding of secondary school ME teachers in Sabah on the concept of VHB? and (2) How is the VHB formation practise implemented in the L&F of secondary school ME teachers in Sabah? This study employs a qualitative research method with a case study approach, involving six optional and non-optional secondary school Moral Education teachers who were selected using purposive sampling, a maximum variation sampling strategy, and the snowball technique to reach data saturation point and interview questions. Data were gathered using semi-structured interview methods, document analysis, and audio-visual materials, considering the constraints of conducting face-to-face meetings throughout the COVID-19 pandemic period. Thematic analysis was carried out manually, with the assistance of Atlas t.i software, to answer the research's questions through the process of coding and categorization of themes.

According to the findings of the study, the concept of VHB is understood by ME secondary school teachers in Sabah to include students who have moral cognitive development, moral emotions, and can act on principled moral behaviour. Students are said to have met the VHB concept successfully when they have moral knowledge, can make rational reasoning and judgments, and

have the maturity to change. The understanding of the VHB concept by the ME's secondary school teachers in Sabah has reflected in the practise of VHB formation, which is implemented through reinforcement, a variety of activities in the classroom, learning activities outside the classroom, and teacher character. The themes developed are a reflection on the foundations of theories related to morality, such as psychological theory of moral development and moral ethics theory, as well as elements of the L&F process in the Integrated Model of School Effectiveness (Scheerens, 1990), Hexagon Model of Pedagogical Content Knowledge in Science Teaching (Park & Oliver, 2008), and Contextual Models of Multi-Level School Effectiveness (Creemers & Kyriakides, 2008).

To conclude, the involvement of all stakeholders, particularly teachers, students, school administration, and decision-makers at the highest level, such as the MOE, is required to ensure the successful formation of VHB, which is the aim of the ME implementation in Malaysia. Finally, the findings of this study can provide an overview of ME teachers' understanding of the concept of VHB, as well as its relation with L&F practises toward the formation of VHB, which can be used as a guideline to explain the phenomenon behind the effectiveness of ME desired outcomes.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat Rasul Junjungan yang Mulia. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya saya dapat menyelesaikan penulisan ilmiah ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis ini, Dr. Maizura Yasin, Prof. Madya Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah dan Dr. Marzni Mohamed Mokhtar atas dedikasi dan kesabaran mereka dalam memberi bimbingan, bantuan dan sokongan sepanjang tempoh saya melengkapkan tesis ini serta memberi komen bernas dalam memperbaiki penulisan tesis saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah bagi kuliah-kuliah yang telah saya hadiri iaitu Dr. Saidon Amri, P.M Dr. Mohd Mursyid Arshad, Prof. Dr. Steven Eric Krauss @ Abdul Lateef Abdullah dan Prof. Dr. Maimunah Ismail yang sudi berkongsi ilmu penyelidikan serta memberi tunjuk ajar yang tidak terbatas kepada saya dalam menyelesaikan penulisan ini. Tidak lupa juga buat para pembaca, pengerusi viva dan penilai tesis ini, Prof. Dr. Asmawati Suhid, P.M. Dr. Abu Bakar Bin Mohamed Razali, Dr. Engku Mardiah Binti Engku Kamarudin, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Prof. Dr. Aminuddin Hassan dan P.M Dr. Suhaida Abdul Kadir yang telah melaksanakan penilaian dengan teliti dan memberikan komen yang sangat membantu dalam usaha mempertingkatkan mutu penulisan tesis saya. Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah lain yang telah sudi berkongsi ilmu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala pengorbanan dan ilmu yang kalian curahkan tidak ternilai harganya.

Saya juga amat berterima kasih kepada semua peserta kajian yang sudi memberi kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya pengalaman mengumpul data kajian bersama kalian sepanjang tempoh pandemik COVID-19 adalah amat berharga. Penghargaan saya juga ditujukan kepada ibu saya, Nurhaedah Sining, bapa, Noe S De Asildo Jr. @ Dzulkarnain Abdullah, adik-beradik, Dzulkifli, Norizkia dan Dzulasman serta ahli keluarga mertua yang sentiasa mendorong dan mendoakan saya. Terima kasih juga atas doa, pengertian dan pengorbanan suami, Mohd Sukri Jaafar serta anak-anak, Iman, Kaisah dan Syahmi yang tanpa jemu menemani saya menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu dan berkongsi ilmu serta pihak KPM yang sudi memberikan peluang dan tajaan kepada saya untuk menyambung pengajian.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada Puan Norashikin dan suami yang membantu pencarian jurnal artikel dari perpustakaan UMP, pihak pentadbiran dan pengurusan pascasiswazah fakulti dan universiti serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Allah sahaja mampu membalas kebaikan anda semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 Jun 2022 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Noor Zulina Binti S De Asildo bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Amalan Pembentukan Insan Berakhlak Mulia dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pendidikan Moral Sekolah Menengah di Sabah, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abu Bakar bin Mohamed Razali, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin bin Hassan, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ab. Halim bin Tamuri, PhD

Profesor
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

SITI SALWA ABD GANI, PhD

Profesor Madya ChM. dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 Disember 2022

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Maizura binti Yasin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Marzni binti Mohamed Mokhtar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zalilah Mohd Shariff, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Januari 2023

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik (termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain) seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2015-2016) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Noor Zulina Binti S De Asildo

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2015-2016) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Maizura binti Yasin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Marzni binti Mohamed Mokhtar

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Skop dan Batasan Kajian	8
1.8	Definisi Istilah	10
1.8.1	Kefahaman	10
1.8.2	Insan Berakhlak Mulia (IBM)	10
1.8.3	Amalan Pembentukan Insan Berakhlak Mulia (IBM)	11
1.8.4	Guru Pendidikan Moral	11
1.8.5	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	11
1.9	Rumusan	12
2	SOROTAN LITERATUR	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Insan Berakhlak Mulia (IBM)	13
2.2.1	Perspektif Akhlak Islam	14
2.2.2	Perspektif Moral dan Kemoralan	16
2.2.3	Perspektif Pendidikan Moral (PM)	19
2.2.4	Rumusan Perbandingan Konsep IBM dari Pelbagai Perspektif	22
2.3	Amalan Pembentukan IBM dalam Konteks Pedagogi Pendidikan Moral	26
2.3.1	Perkembangan Moral Melalui Aktiviti PdPc	29
2.3.2	Guru Sebagai Agen Moral	32
2.4	Asas dan Kerangka Teori Kajian	35
2.4.1	Teori Etika Moral	37
2.4.1.1	Teori Kemoralan Sosial	37
2.4.1.2	Etika Keperibadian Mulia	39
2.4.1.3	Teleologi	40
2.4.1.4	Deontologi	41
2.4.2	Teori Psikologi Perkembangan Moral	42

2.4.3	Model Keberkesanan Pendidikan dan Pedagogi Pengajaran	45
2.4.4	Kerangka Asas Teori Kajian	50
2.5	Rumusan	54
3	METODOLOGI	55
3.1	Pengenalan	55
3.2	Falsafah dan Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Pendekatan Kajian	56
3.4	Pemilihan Peserta Kajian	57
3.4.1	Teknik Pemilihan Peserta Kajian	58
3.4.2	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	59
3.5	Penentuan Lokasi Kajian	60
3.5.1	Latar Belakang Masyarakat di Sabah	61
3.6	Jangka Masa Kajian	64
3.6.1	Kajian Rintis	66
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	67
3.7.1	Temu Bual sebagai Kaedah Pengumpulan Data	68
3.7.1.1	Protokol Temu Bual sebagai Alat Kajian	69
3.7.1.2	Penulisan Transkrip Temu Bual	70
3.7.1.3	Peranan Penyelidik sebagai Instrumen Kajian	70
3.7.2	Analisis Dokumen sebagai Kaedah Pengumpulan Data	71
3.7.2.1	Teknik Penganalisan Dokumen sebagai Alat Kajian	72
3.8	Analisis Data dan Interpretasi	72
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	73
3.9.1	Kesahan Dalaman (Kredibiliti)	73
3.9.1.1	Triangulasi	73
3.9.1.2	Pengesahan Peserta kajian	74
3.9.1.3	Penglibatan Mencukupi dalam Proses Pengumpulan Data	75
3.9.1.4	Refleksiviti Penyelidik	76
3.9.1.5	Pemeriksaan Rakan Sekerja	76
3.9.2	Kebolehpercayaan (Konsistensi)	78
3.9.3	Kesahan Luaran (Kebolehpindahan)	79
3.10	Etika Penyelidikan	82
3.11	Rumusan	86
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	87
4.1	Pengenalan	87
4.2	Profil Peserta Kajian	87
4.2.1	Latar Belakang Lokasi Kajian (Sekolah)	88
4.2.2	Latar Belakang Guru	89
4.3	Persoalan Kajian 1: Apakah Kefahaman Guru PM Sekolah Menengah di Sabah Terhadap Konsep IBM?	91
4.3.1	Mempunyai Perkembangan Kognitif Moral	91
4.3.1.1	Pengetahuan Moral	92

4.3.1.2	Penaakulan dan Pertimbangan Rasional	94
4.3.1.3	Kematangan Untuk Berubah	96
4.3.2	Mempunyai Emosi Moral	98
4.3.3	Bertindak Berasaskan Perlakuan Moral Berprinsip	101
4.3.1.1	Prinsip Kepatuhan	101
4.3.1.2	Prinsip Kesejahteraan Sosial	104
4.3.1.3	Prinsip Nilai dan Motivasi Diri	107
4.3.4	Rumusan Kefahaman Guru PM Terhadap Konsep IBM	111
4.4	Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah Amalan Pembentukan IBM Dilaksanakan dalam PdPc Guru PM Sekolah Menengah di Sabah?	113
4.4.1	Peneguhan	114
4.4.1.1	Komunikasi Moral	114
4.4.1.2	Peneguhan Bukan Lisan	117
4.4.2	Kepelbagaian Aktiviti Dalam Bilik Darjah	119
4.4.2.1	Berkongsi Amalan Agama dan Budaya	119
4.4.2.2	Menggunakan Contoh Dilema dan Situasi	124
4.4.2.3	Pentaksiran Menyeluruh	126
4.4.3	Aktiviti Pembelajaran Luar Bilik Darjah	135
4.4.4	Karakter Guru	138
4.4.4.1	Prihatin	139
4.4.4.2	Bertindak Sebagai Agen Moral	147
4.4.5	Rumusan Pelaksanaan Amalan Pembentukan IBM dalam PdPc Guru PM	151
4.5	Kerangka Konsetual Daripada Dapatan Kajian	154
4.6	Rumusan	156
5	RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	156
5.1	Pendahuluan	156
5.2	Ringkasan	156
5.3	Rumusan	157
5.4	Implikasi Kajian	159
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Asas Kajian	159
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan	161
5.4.2.1	Implikasi Terhadap Guru: Amalan Pembentukan IBM dalam PdPc ke Arah Mencapai Matlamat PM	162
5.4.2.2	Implikasi Terhadap Pihak Pentadbiran Sekolah dan Kementerian	163
5.5	Cadangan kajian lanjutan	165
5.6	Penutup	165
	RUJUKAN	168
	LAMPIRAN	201
	BIODATA PELAJAR	238
	SENARAI PENERBITAN	239

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Penyataan Tahap Penguasaan (TP) Mata Pelajaran Pendidikan Moral	22
2	Statistik Anutan Agama di Enam Negeri Paling Ramai Penduduk Bukan Beragama Islam Tahun 2020	62
3	Bilangan Penduduk Mengikut Pecahan Etnik dalam Lima Daerah yang Mempunyai Penduduk Paling Ramai di Sabah	63
4	Ringkasan Kronologi fasa kajian	67
5	Skala persetujuan Cohen Kappa (Landis & Koch, 1977)	77
6	Ringkasan Prosedur Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	80
7	Profil dan Latar Belakang Peserta Kajian	90

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Rumusan Konsep IBM dari Perspektif Akhlak Islam	16
2	Fokus Pendidikan Moral dalam KBSM dan KSSM	21
3	Sistem Asas Model Kefungsian Sekolah	46
4	Model Bersepadu Keberkesanan Sekolah	47
5	Model Kontekstual Keberkesanan Sekolah Pelbagai Peringkat	48
6	Model Heksagon Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Pengajaran Sains	49
7	Kerangka Asas Teori Kajian	53
8	Rumusan Dapatan Kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM	113
9	Contoh Jawapan Murid	125
10	Contoh Penulisan RPH	129
11	Contoh Arahan Tugas Modul Semasa PKP	132
12	Pelaksanaan amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM sekolah menengah di Sabah	154
13	Model Amalan Pembentukan IBM dalam PdPc Guru PM SM di Sabah	156

SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PM	Pendidikan Moral
TP	Tahap Penguasaan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PLBD	Pembelajaran Luar Bilik Darjah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
GC	Guru Cemerlang
JU	Jurulatih Utama
MIM	Modal Insan Menyeluruh
IBM	Insan Berakhlak Mulia
JKE	Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merangkumi perbincangan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah dalam meneroka dan memahami fenomena amalan pembentukan insan berakhlak mulia (IBM) dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru Pendidikan Moral (PM) sekolah menengah di Sabah. PM adalah mata pelajaran teras khusus untuk murid bukan beragama Islam di Malaysia dan merupakan salah satu bentuk pendidikan kemanusiaan yang berteraskan pembentukan karakter (Hafizhah et al., 2018; Sainah et al., 2018). Justeru, kajian ini mendalami sejauh mana kepelbagaian kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM menyumbang kepada kepelbagaian amalan pembentukan IBM dalam PdPc mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

IBM merupakan karakter yang ingin dihasilkan menerusi mata pelajaran PM di Malaysia. Mata pelajaran PM dan seumpamanya juga telah diperkenalkan di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Asia (Berkowitz, 2011; Jeynes, 2017; Lovat et al., 2010; Marshall et al., 2011; C. Tan, 2008; Thornberg & Oğuz, 2016) dalam bentuk yang pelbagai seperti pendidikan nilai, pendidikan karakter, pendidikan sivik, pendidikan etika dan pendidikan keagamaan (Berkowitz, 2011; Bourke et al., 2020; Haydon, 2004; Splitter, 2011; Thornberg & Oğuz, 2016). Kepentingan memperkenalkan mata pelajaran yang berfokus kepada pembentukan karakter seperti insan bermoral dan berakhlak mulia (Haydon, 2004; Huang, 2011) ini menggambarkan bahawa setiap kelompok masyarakat mempunyai penentuan karakter tersendiri (AbdulRaheem et al., 2018; Balakrishnan, 2017b; Jeynes, 2017) sebagai ukuran dalam pembentukan peribadi pelajar dan masyarakat (Berkowitz & Bier, 2007; Berkowitz, 2011).

Penerokaan dan pemahaman terhadap amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM sekolah menengah menjadi fokus kajian ini kerana mengambil kira dasar-dasar pendidikan negara yang menekankan kepada pembangunan modal insan. Penekanan ini selaras dengan pengenalan Dasar Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) 2021-2025 dalam pemangkin dasar 1 iaitu membangunkan bakat masa hadapan sejajar dengan keperluan perkembangan ekonomi negara menerusi tumpuan terhadap usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara. Rentetan itu, teras kedua dalam Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN) berkaitan pembangunan modal insan dalam maklum balas RMK12 menyatakan

bahawa pendekatan pengajaran berunsur *teacher-centric* perlu diubah kepada *coaching to student* (Kementerian Sumber Manusia, 2021). Tambahan pula, peningkatan populasi belia bermula umur 15 tahun pada tahun 2020 sebanyak 14.8 juta (45.5%) berbanding tahun 2010, 12.5 juta (45.6%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022) menggambarkan kepentingan memberi tumpuan terhadap usaha pembentukan IBM sejak umur muda kerana mereka merupakan generasi yang akan menentukan masa hadapan negara.

Selain itu, sistem pendidikan di Malaysia adalah berlandaskan Prinsip Rukun Negara (PRN) yang menjadi pegangan seluruh rakyat Malaysia. Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan dan kesopanan dan kesusilaan dalam PRN menggambarkan penekanan kepada konsep IBM dalam konteks pematuhan kepada doktrin agama serta pembentukan perlakuan yang beradab. Selanjutnya, kedua-dua prinsip ini diterjemah ke dalam teras pendidikan Malaysia dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

(Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) Jilid 4, 2017; ms. 17)

Teras ini menjadi panduan dalam meneruskan agenda pendidikan negara melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan yang turut meletakkan hasrat pembentukan IBM sebagai salah satu matlamat pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a). Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang terus komited dalam membangunkan murid secara menyeluruh iaitu menghasilkan insan yang seimbang dan berperibadi mulia, mempunyai etika dan kerohanian yang kuat untuk membuat keputusan dan menunjukkan perlakuan yang baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a) adalah relevan dalam penyediaan modal insan seimbang dalam konteks kemahiran kebolehpasaran (Kemahiran insaniah) yang meliputi kemahiran beretika dan penyelesaian masalah (Ahmad Rizal et al., 2008). Justeru, amalan pembentukan IBM dalam PdPc adalah penting agar dapat melahirkan generasi yang boleh menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan bertindak berdasarkan penaaakulan dan emosi moral (Jemaah Nazir, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015, 2016a, 2017b, 2018a) secara beretika dalam dunia pekerjaan kelak.

Matlamat pembentukan IBM juga diterjemah dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan cara memperkasakan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral. Kedua-dua mata pelajaran ini menjadikan pembentukan IBM sebagai matlamat akhir yang perlu dicapai melalui amalan PdPc yang dilaksanakan (Kamarudin & Yang Marya, 2016; Mohd Yusoff, 2017; Noor Zulina & Maizura, 2021) walaupun kumpulan sasaran dan kandungannya berbeza. Kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia misalnya lebih berfokus kepada bidang-bidang yang bersifat keagamaan iaitu bidang Tilawah al-Qur'an dan Hadis, Ulum Syar'iah dan Adab berteraskan Akhlak (Ab Halim, 2007; Asmawati et al., 2019; Zawawi et al., 2021) dalam pembentukan IBM berdasarkan garis panduan khusus, kekal dan mutlak. Sebaliknya, mata pelajaran PM di Malaysia adalah dipelajari oleh murid bukan beragama Islam yang mempunyai kepelbagaian latar belakang anutan agama dan kepercayaan.

Dengan keadaan sedemikian, bidang-bidang pembelajaran PM lebih bersifat umum menerusi penekanan kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat (Jemaah Nazir, 2019; Kamarudin & Yang Marya, 2016; Nur Surayyah Madhubala et al., 2015); pembelajaran tentang nilai-nilai dan pertimbangan rasional terhadap pilihan moral (Chowdhury, 2016; Norzihani et al., 2020; Sainah et al., 2018); serta bersifat bebas agama atau *religious independent* (Balakrishnan, 2017b; Mohamad Ridhuan et al., 2021). Walaupun Pendidikan Islam dan PM mempunyai perbezaan kandungan, penekanan kedua-dua mata pelajaran ini adalah sama iaitu untuk membentuk IBM selaras dengan matlamat FPK, DPK dan PPPM.

Selanjutnya, PM dalam konteks sekolah menengah di Malaysia turut memberi fokus kepada usaha mendidik murid menjadi insan bermoral dan berakhlak mulia menerusi penekanan kepada tiga domain utama iaitu perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral:

Kurikulum Pendidikan Moral mampu melahirkan insan bermoral dan berakhlak mulia dalam kalangan murid sebagai insan yang boleh menyumbang dalam pelbagai peringkat secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan antarabangsa.

(DSKP KSSM Pendidikan Moral, 2018; ms. 1)

Pembentukan IBM merupakan hasil pembelajaran berterusan yang perlu dicapai secara keseluruhan sama ada menerusi pengalaman dan latihan berdasarkan pembahagian topik dalam sukatan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Jemaah Nazir, 2019). Perkara ini selaras dengan usaha mencapai standard kemenjadian murid secara holistik seperti yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) (Zakaria et al., 2021). Malahan, SKPMg2 juga menekankan kepada lima peranan guru dalam amalan PdPc iaitu sebagai (i) perancang, (ii) pengawal, (iii) pembimbing, (iv)

pendorong dan (v) penilai. Penekanan ini memberi gambaran bahawa amalan PdPc guru juga boleh mempengaruhi pencapaian matlamat hasil pembelajaran yang ditetapkan untuk sesuatu mata pelajaran.

Dalam pada itu, istilah pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa pelaksanaan KBSM telah ditukar menjadi PdPc iaitu pembelajaran dan pemudah caraan selaras dengan penekanan kepada pendidikan abad ke-21. Guru hanya bertindak sebagai pemudah cara, sementara murid terlibat sebagai pembelajar aktif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a). Pelaksanaan PdPc menerusi kepelbagaian pendekatan pengajaran dan penglibatan aktif murid akan dapat membantu pencapaian objektif pembelajaran (Lilian & Amollo, 2020). PdPc turut merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran yang dilaksanakan dengan tujuan untuk mencapai matlamat pembelajaran, selain pencapaian matlamat pendidikan secara umum (Jahidah et al., 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a; Lawrence, 2019; Svanström et al., 2018). Wong, Kamisah & Siti Mistima (2018) menyatakan bahawa suatu sesi PdPc yang lengkap harus bermula dengan rancangan pengajaran guru dan ia bergantung kepada pengetahuan guru terhadap isi kandungan, pedagogi, kurikulum dan juga pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdPc.

Sungguhpun kebanyakan kajian lepas melihat masalah pencapaian matlamat PM dan mata pelajaran seumpamanya adalah disebabkan oleh kekurangan latihan dan pengetahuan guru dalam mengaplikasi amalan PdPc yang berkesan (Kim & Taylor, 2017; Walker et al., 2015), namun kepelbagaian kefahaman terhadap konsep insan bermoral juga perlu diambil kira (Alexander, 2016; Orchard, 2020). Hal ini demikian kerana pengetahuan dan pemahaman guru terhadap perkara yang ingin disampaikan akan mempengaruhi pembelajaran murid (Walker et al., 2015; Wong et al., 2018). Tanpa pengetahuan, kefahaman dan pemupukan dari aspek kerohanian dan moral, murid tidak akan dapat mengamalkan perlakuan moral dalam kehidupan (Mohamad Khairi et al., 2019; K. Mohd Saiful Akmal et al., 2021).

Model-model berkaitan pendidikan dan pengetahuan pengajaran seperti Model Bersepadu Keberkesanan Sekolah (Scheerens, 1990) dan Model Kontekstual Keberkesanan Sekolah Pelbagai Peringkat (Creemers & Kyriakides, 2008) juga memberi gambaran dan penjelasan bahawa pengetahuan dan kefahaman guru terhadap falsafah, matlamat dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran adalah berkait dengan amalan PdPc dan matlamat yang akan dicapai di akhir sesi PdPc (Backman et al., 2019; Ben-Peretz, 2011; Creemers & Kyriakides, 2008; Herold, 2019; Scheerens, 1990, 2013). Begitu juga dengan Model Heksagon Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam pengajaran Sains (Park & Oliver, 2008) berasaskan Model Penalaran Pedagogi oleh Shulman (Syukri et al., 2013) yang mengaitkan kejayaan pencapaian matlamat PdPc dengan pengetahuan dan kefahaman guru terhadap matlamat kurikulum dan pedagogi yang sesuai.

Sehubungan dengan itu, kejayaan pencapaian matlamat PdPc PM juga bergantung kepada kefahaman dan penghayatan guru terhadap matlamat yang diinginkan (Abd. Rahman, 1984; Abd. Shatar, 2007), khususnya pengetahuan terhadap falsafah dan konsep pelaksanaan sesuatu mata pelajaran (Gao & Wang, 2020; Nurul Asiah Fasehah & Noornajihan, 2021). Dalam konteks PM, teori etika moral Barat seperti teori kemoralan sosial, teori etika keperibadian mulia, teleologi dan deontologi yang mentafsirkan kemoralan dalam pelbagai pandangan (Abdul Rahman, 2018; Gui et al., 2020) juga perlu difahami oleh guru untuk mengelak berlakunya indoktrinasi dalam amalan PdPc seperti yang berlaku ketika pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kerana fokus yang diberi pada ketika itu lebih berbentuk pemindahan nilai-nilai (L. H. Chang, 2013). PM seharusnya dijadikan sebagai salah satu sistem latihan untuk melahirkan insan bermoral seperti yang dijelaskan dalam teori etika keperibadian mulia (Bleazby, 2019; Chowdhury, 2016; Maizura et al., 2021; Yang, 2021) dan akhlak Islam kerana akhlak adalah karakter (Norazly et al., 2021) yang perlu dibentuk hingga menjadi tabiat dan kebiasaan (Adnyana, 2020; Muhammad Alqadri et al., 2019) melalui pelbagai pendekatan.

Justeru, konsep IBM adalah kompleks, bukan sahaja disebabkan oleh kepelbagaian latar belakang hidup, agama dan kepercayaan (Nur Surayyah Madhubala, 2009), tetapi juga dalam konteks bidang asas moral. Hal ini demikian kerana, teori-teori etika moral Barat dijadikan sebagai asas yang perlu dipelajari oleh bakal guru PM di peringkat institusi pendidikan guru untuk memahami IBM dalam PM di Malaysia (Abdul Rahman, 1999, 2018). Maka, kefahaman tentang amalan pembentukan IBM dalam PdPc PM perlu diteroka dari perspektif pengalaman guru PM sekolah menengah khususnya di Sabah kerana wujudnya kepelbagaian latar belakang penduduk di lokasi terpilih. Penerokaan lebih mendalam dan terperinci dengan mengambil kira kepelbagaian yang dapat diwakili di lokasi kajian boleh menggambarkan kepelbagaian kefahaman guru PM tentang konsep IBM yang menjadi asas kepada pencapaian matlamat pembentukan IBM dalam PdPc mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM adalah bergantung kepada kefahaman dan penghayatan mereka terhadap matlamat dan falsafah pelaksanaan mata pelajaran PM khususnya di Malaysia (Gao & Wang, 2020; Nurul Asiah Fasehah & Noornajihan, 2021). Namun, konsep IBM boleh didasari oleh pelbagai sumber seperti teori, latar belakang agama dan kepercayaan, nilai serta norma masyarakat setempat. Oleh itu, kefahaman guru PM terhadap konsep IBM boleh menjadi subjektif bahkan berkonflik dengan pegangan nilai dan kefahamannya tentang ciri yang memenuhi konsep IBM (Alexander, 2016; Haydon, 1992; Lunn Brownlee et al., 2016; Nur Surayyah Madhubala, 2009; Orchard, 2020; Reichert & Torney-Purta, 2019). Teori-teori etika moral Barat yang menjadi silibus asas pendidikan untuk bakal guru PM juga mempunyai pelbagai standard kemoralan dalam memahami konsep IBM (Abdul Rahman, 2018). Justeru, tidak ada satu standard khusus yang boleh dipegang secara

mutlak (Campbell, 2017; Garrigan et al., 2018; Railton, 2017) untuk mewakili konsep IBM dengan lengkap kerana terdapat standard dan prinsip dalam teori etika moral Barat yang kemungkinan bertentangan dengan agama, kepercayaan, nilai dan norma masyarakat setempat di Malaysia.

Selanjutnya, sungguhpun guru PM menyedari kepentingan memberi fokus kepada perkembangan menyeluruh tiga domain moral seperti yang dikehendaki dalam kurikulum PM (Jemaah Nazir, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015, 2016a, 2017b, 2018a), ketidakselarasan antara kefahaman konsep dengan amalan PdPc guru masih berlaku sama ada dalam kalangan guru terlatih atau opsyen, guru bukan opsyen, mahupun guru berpengalaman atau novis (Abd. Shatar, 2007; L. H. Chang, 2010; Kalaiselvi, 2017; Nachiappan et al., 2017; Rahimah, 1998; C. Tan, 2008). Situasi ini menjadi bertambah rumit semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 apabila PdPc tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka. Justeru, keadaan ini turut menimbulkan persoalan tentang sejauh mana konsep IBM yang difahami dan amalan pembentukan IBM yang dilaksanakan semasa tempoh PKP dalam kalangan guru PM memberi gambaran terhadap konsep IBM dalam konteks teori psikologi perkembangan moral.

Tambahan pula, proses PdPc berpandukan kurikulum yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan (Bulach, 2002; Suhaizal, 2015) pula mungkin menjadi penyumbang kepada kesukaran guru PM untuk mengendalikan respon yang pelbagai daripada murid semasa melaksanakan amalan pembentukan IBM dalam PdPc mereka. Kesannya, amalan pembentukan IBM masih berpusatkan guru, berorientasikan peperiksaan dan indoktrinasi (Abd. Rahman, 1984; Abdul Rahman, 2014; Azrina, 2004; Bleazby, 2019; Lapsley & Woodbury, 2016) khususnya semasa pelaksanaan kurikulum KBSM sebelum ini (Balakrishnan, 2017b) dan turut membataskan penggunaan pelbagai strategi dan instrumen pentaksiran (Gleeson & O'Flaherty, 2016; Klug et al., 2018; Pielmeier et al., 2018; Ravikumar, 2015) dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, kajian ini perlu dijalankan agar dapat memberi gambaran yang lebih mendalam dan terperinci mengenai fenomena amalan pembentukan IBM dalam PdPc berdasarkan kefahaman guru PM terhadap konsep IBM khususnya di Sabah. Penerokaan dan pemahaman yang mengambil kira perspektif sebenar peserta kajian dapat memberi gambaran secara kontekstual berasaskan model-model berkaitan keberkesanan dan pedagogi pendidikan seperti model CIPO dan Model Heksagon Pengetahuan Pedagogi Kandungan oleh Park dan Oliver (2008) yang menjelaskan perkaitan pelbagai faktor dalam mencapai matlamat PdPc. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai alternatif untuk membantu memahami kelemahan yang wujud di sebalik pelaksanaan amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM. Selain itu, kajian ini juga boleh menambah pengetahuan baharu terhadap amalan pembentukan IBM yang dilaksanakan dalam persekitaran pendidikan norma baharu secara PdPR sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa semasa era pandemik COVID-19.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM sekolah menengah di Sabah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menjawab objektif berikut:

- 1.3.1 Meneroka kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM.
- 1.3.2 Meneliti amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM sekolah menengah di Sabah.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM sekolah menengah di Sabah. Oleh itu, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- 1.4.1 Apakah kefahaman guru PM sekolah menengah di Sabah terhadap konsep IBM?
- 1.4.2 Bagaimanakah amalan pembentukan IBM dilaksanakan dalam PdPc guru PM sekolah menengah di Sabah?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat memberikan sumbangan dalam peningkatan pemahaman terhadap teori dan praktikal dalam bidang PM. Secara teori, kajian ini akan dapat menambah pengetahuan baharu kepada konseptualisasi tentang IBM yang kemungkinan berbeza atau menambah gagasan idea kepada teori sedia ada dalam bidang moral seperti falsafah etika kemoralan dan akhlak kerana guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada kepelbagaian latar belakang sosialisasi, pengalaman mengajar, agama dan kepercayaan. Selain itu, penggunaan Model Context, Input, Process dan Output (CIPO) (Scheerens, 2015) dan Model Heksagon Pengetahuan Pedagogi Kandungan (Park & Oliver, 2008) dalam kajian ini membantu pemahaman kepada kaitan antara kefahaman sebagai Input (I) dengan amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru di kelas sebagai Proses (P) dan Output (O) yang disasarkan.

Di samping itu, kepercayaan dan pegangan kepada prinsip naturalistik dalam kajian ini memberi gambaran sebenar tentang pemahaman konsep pembentukan IBM dari perspektif guru yang mengajar berbanding dengan hanya memahaminya menerusi dokumen yang ditetapkan oleh KPM dalam DSKP KSSM PM sebagai Konteks (C). Dari aspek perkembangan literatur pula, kajian

ini juga dapat meluaskan pemahaman kepada keberkesanan usaha pencapaian matlamat pembentukan IBM melalui penerokaan kepada pemahaman konsep IBM dalam amalan PdPc guru PM selain kajian-kajian sebelum ini yang berfokus kepada usaha penambahbaikan strategi pengajaran PM.

Lanjutan daripada penerokaan terhadap amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM menerusi teori dan model asas kajian ini, dapatan kajian ini juga diharap dapat menjadi sumber maklumat kepada pemegang taruh berkaitan khususnya dalam kalangan organisasi KPM mahupun Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk merangka program latihan berterusan berkaitan pedagogi khusus kepada guru PM berdasarkan keperluan mereka (Klug et al., 2018) dengan menambah elemen terhadap keperluan pembelajaran secara dalam talian di rumah (PdPR) sekiranya berlaku kejadian yang sama seperti pandemik COVID-19. Dengan itu, guru PM akan berupaya menyesuaikan kandungan PM dengan amalan PdPc yang sesuai untuk mencapai matlamat pembentukan IBM dengan lebih berkesan.

Tambahan pula, penggunaan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes pelbagai satu tempat dapat memberi gambaran lebih menyeluruh terhadap kepelbagaian kefahaman guru PM terhadap amalan pembentukan IBM dalam PdPc mereka kerana peserta kajian adalah terdiri daripada latar belakang yang pelbagai berdasarkan kriteria ditetapkan oleh penyelidik. Akhir sekali, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai asas kepada kajian kualitatif dan kuantitatif selanjutnya dalam meneroka dan memahami amalan PdPc guru PM berdasarkan pemahaman konsep IBM dalam konteks yang berbeza. Kajian selanjutnya boleh mengaplikasi kerangka konseptual yang terhasil daripada kajian ini melalui gabungan tema dan elemen dalam teori dan dapatan kajian untuk dilaksanakan di tempat lain dengan melibatkan peserta kajian yang berbeza. Replikasi kajian ini dalam konteks reka bentuk kajian, lokasi dan peserta kajian yang berbeza dapat memberi gambaran menyeluruh terhadap amalan pembentukan IBM dalam PdPc guru PM yang mungkin berbeza mengikut konteks yang dikaji serta menambah pengetahuan literatur terhadap teori dan model yang mendasari kerangka kajian ini.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini hanya akan menumpukan kepada mata pelajaran PM dalam konteks khusus di Sabah. Oleh itu, kefahaman terhadap konsep IBM dalam amalan PdPc guru yang menjadi tumpuan kajian ini hanya berfokus kepada perbincangan sekitar matlamat pembentukan IBM dalam konteks mata pelajaran PM dan tidak mengambil kira perbincangan dalam konteks mata pelajaran lain. Selain itu, skop kajian ini juga memberi tumpuan utama kepada guru sekolah menengah yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran PM tanpa mengira sama ada mereka adalah opsyen PM atau tidak. Maka, dapatan kajian ini hanya akan menggambarkan perbandingan pelbagai kes dalam kalangan guru PM berpengalaman sahaja.

Seterusnya, guru-guru yang menjadi peserta kajian ini adalah dipilih berdasarkan kepada kesediaan mereka untuk terlibat sebagai peserta kajian secara sukarela. Persamaan bahasa juga akan memudahkan proses pemerihalan tentang fenomena yang dikaji sekaligus menyumbang kepada kedalaman maklumat yang diperolehi. Selain itu, pemilihan lokasi juga adalah berasaskan kepada maklumat daripada pihak JPN Sabah di mana lokasi tersebut mempunyai jumlah guru yang menepati kriteria peserta kajian utama yang ditetapkan dan memadai untuk keperluan kajian ini. Oleh itu, lokasi kajian yang dipilih adalah sebuah daerah di Sabah dengan penglibatan beberapa buah sekolah. Maka, dapatan kajian ini hanya mewakili pandangan semasa peserta kajian di lokasi terpilih bergantung kepada kejujuran maklumat yang diberi dan tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada populasi.

Batasan kajian ini juga mengambil kira keadaan semasa yang berlaku semasa proses pengumpulan data kajian yang ketika era pandemik COVID-19. Oleh kerana penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah bergantung pada keadaan semasa kes COVID-19, maka proses pengumpulan data khususnya sesi temu bual dilaksanakan dengan menggunakan dua kaedah iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Namun, kaedah temu bual secara dalam talian amat bergantung kepada talian internet yang stabil. Oleh itu, penyelidik menggunakan beberapa peralatan sokongan untuk memastikan ketepatan setiap data yang diperolehi menerusi kaedah dalam talian. Begitu juga dengan pemerolehan bahan audio visual yang terpaksa dibuat menerusi beberapa aplikasi telefon pintar seperti *Whatsapp* dan *Telegram*. Selain itu, kaedah pemerhatian juga tidak dapat dilaksanakan kerana perlu mengikuti polisi terbaharu menjalankan kajian di lapangan daripada pihak KPM. Maka, kajian ini hanya mengaplikasi dua kaedah utama pemerolehan data iaitu menerusi temu bual dan analisis dokumen di samping bahan audio visual.

Di samping itu, teori-teori yang digunakan dalam bidang kajian pendidikan moral juga boleh meliputi bidang yang luas seperti antropologi, falsafah, sosiologi dan psikologi moral. Teori Etika Moral yang merangkumi Teori Kemoralan Sosial, Etika Keperibadian Mulia, Teleologi dan Deontologi serta Teori Psikologi Perkembangan Moral digunakan sebagai asas untuk meneroka kefahaman guru PM di Sabah terhadap konsep IBM. Model CIPO yang menjadi kerangka asas kajian ini juga membataskan kepada tujuan penerokaan salah satu sistem sekolah yang spesifik sahaja iaitu sistem PdPc dalam bilik darjah (Scheerens, 2015) PM. Justeru, penggunaan model ini hanya berfokus kepada penerokaan dan kefahaman mendalam terhadap satu sistem dalam sekolah iaitu bilik darjah.

Selain itu, penggunaan Model Heksagon Pengetahuan Pedagogi Kandungan Park dan Oliver (2008) pula adalah untuk membantu penjelasan yang lebih terperinci terhadap proses PdPc yang melibatkan kefahaman dan orientasi guru serta pengetahuan tentang kurikulum, pengajaran dan penilaian yang terlibat. Oleh itu, model ini juga hanya digunakan untuk menggambarkan fenomena yang berlaku dalam konteks bilik darjah PM di Sabah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini hanya mewakili tema-tema yang dibincangkan berdasarkan kerangka asas teori seperti yang akan diterangkan dalam bab dua.

1.8 Definisi Istilah

Setiap definisi istilah kajian dijelaskan seperti berikut.

1.8.1 Kefahaman

